

Nelayan terjejas akibat jerebu

SH 17/9/2019 M/S 30

Hanya tangkap ikan 100 meter dari pantai

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Nelayan di negeri ini mengakui pendapatan mereka terjejas teruk kerana tidak dapat turun ke laut berikutan keadaan jerebu yang berlarutan.

Nelayan pantai, Jamaluddin Abdul, 49, berkata, dia antara yang terkesan dengan situasi jerebu disebabkan jarak pandangan yang tidak jelas.

"Buat masa ini, saya hanya berani menangkap ikan dan ketam kira-kira 100 meter dari pantai.

"Saya takut hendak ke laut bimbang tersesat memandang kabus tebal dan daratan juga tidak kelihatan. Jadi saya ambil langkah yang selamat," katanya ketika ditemui di Jeti Nelayan Tanjung Api di sini semalam.

Jamaluddin berkata, pengalaman tersesat di tengah laut dan tidak dapat pulang ke pantai dua tahun lalu kerana jerebu tebal menjadi pengajaran kepadanya.

"Saya cuma berharap keadaan jerebu dapat berkurangan secara berperingkat terutama dengan adanya angin kencang," katanya.

Bagi Abdul Rahim Ismail, 48, dia mengakui tidak dapat turun ke laut disebabkan keadaan jerebu yang berlarutan beberapa hari.

Jamaluddin (kanan) membalki pukat selepas tidak dapat turun ke laut menangkap ikan disebabkan keadaan jerebu.



TENGKU AZHAR



RAMELAN

"Saya menggunakan bot nelayan kecil untuk ke laut dan bot saya tiada Sistem Pengesahan Global (GPS). Jadi hendak pergi jauh ke tengah laut saya tidak mampu," katanya.

Sementara itu, tekong, Ramelan Omar, 43, berkata, pendapatannya turut terjejas sejak situasi jerebu melanda di negeri ini.

"Kalau hari-hari biasa, pendapatan adakalanya lumayan tetapi sejak keadaan jerebu tangkapan tidak berapa memberangsangkan."

"Tapi kita tetap juga menangkap ikan berpandukan GPS, namun kita tetap bimbang takut terlanggar kapal-kapal kecil di laut."

"Bila berada di laut dengan keadaan jerebu pada jarak satu kilometer pun, kita masih tidak nampak ada bot atau kapal," katanya.

Seorang lagi tekong, Tengku Azhar Tengku Husin, 41, berkata, walaupun aktiviti penangkapan ikan dilakukan namun langkah berjaga-jaga tetap diambil.

"Pada waktu jerebu ini, saya bergantung penuh kepada GPS sebab daratan dan matahari tidak kelihatan. Tangkapan pula tidak menentu dalam keadaan sekarang ini," katanya.



8,650 nelayan tidak dapat ke laut

KUANTAN - Jerebu yang melanda beberapa daerah di negeri ini mengakibatkan lebih 8,650 nelayan terjejas berikutnya tidak dapat turun ke laut.

Pengerah Jabatan Perikanan Pahang, Datuk Azahari Othman berkata, jarak pandangan yang terhad di lautan ketika ini boleh menyebabkan berlakunya kemalangan membabitkan bot-bot nelayan.

Menurutnya, bot-bot nelayan kecil yang tidak dilengkapi Sistem Pengesahan Global (GPS) akan menyebabkan risiko tersesat di tengah lautan kerana tidak dapat melihat daratan dan matahari sebagai panduan untuk mereka pulang.

"Saya nasihatkan nelayan tidak turun ke laut bagi mengelak kejadian tidak diingini. Tapi, jika keadaan memerlukan mereka untuk keluar menangkap ikan, saya cadangkan mereka menjalankan aktiviti penangkapan berhampiran kawasan pantai sahaja,"

katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, saranan



AZAHARI

itu diberikan nelayan memandangkan keadaan jerebu semakin teruk dan kebanyakan nelayan tidak dapat menjalankan aktiviti tersebut.

Dalam pada itu, Azahari berkata, keadaan jerebu yang teruk berlaku di Rompin kini beralih ke Pekan dan Kuantan kerana tiupan angin.

"Nelayan yang turun ke laut dinasihatkan supaya memakai penutup hidung dan mulut bagi mengelak berlakunya masalah kesihatan terutama bagi mereka yang menghidap asma," katanya.

Keadaan di jeti daratan ikan di Tanjung Api, Pahang.